

Pantun Melayu

Tersirat Makna di Balik Keindahan Kata

PANTUN sejenis puisi tradisional masyarakat Melayu yang wujud sejak berzaman-zaman lagi. Pantun dicipta sebagai suatu bentuk pengucapan untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau tentang sesuatu perkara.



CIRI pantun Melayu termasuklah terbina dalam bentuk berangkap, mengandungi bahagian pembayang dan maksud, bentuk pantun terbahagi kepada rangkap pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat, lapan kerat dan 12 kerat. Bagi pantun dua kerat rima akhirnya ialah a,a, manakala bagi pantun empat kerat rima akhirnya ialah a,b,a,b.

Aspek dalaman pantun mempunyai unsur estetik dan isi (tema dan persoalan). Unsur estetik pantun dapat dilihat berdasarkan dua aspek. Yang pertama, berkaitan dengan penggunaan lambang tertentu yang terdapat dalam pantun mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Yang kedua, berdasarkan hubungan makna antara pasangan pembayang dengan pasangan maksud sama ada secara konkrit ataupun abstrak.

Pendeta Za'ba dalam bukunya bertajuk *Ilmu Mengarang Melayu* (1965), mengatakan bahawa penciptaan pantun merupakan puisi tertua dan milik asal kepunyaan masyarakat Melayu. Oleh itu, umum telah menerima bahawa pantun hasil ciptaan asli orang Melayu. Pantun bukanlah adaptasi daripada puisi Jawa, India atau Cina.

Pantun Melayu terdiri daripada beberapa jenis pantun seperti pantun adat, agama, nasihat, jenaka, budi dan teka-teki. Setiap pantun yang dicipta mempunyai fungsi atau kegunaannya sendiri. Dalam masyarakat Melayu, pantun merupakan satu corak komunikasi berseni yang digunakan di tempat yang tertentu, dalam upacara yang tertentu atau untuk menyampaikan sesuatu termasuk kiasan atau sindiran.

Penggunaan pantun untuk menyampaikan sindiran bertujuan supaya orang yang disindir atau dinasihati itu tidak marah, tetapi sebaliknya berazam untuk memperbaiki perbuatan dan perangai yang tidak disukai. Diingatkan di sini, seseorang yang akan menyampaikan atau melafazkan pantun juga harus memerhatikan isi pantun.

Puisi tradisional Melayu termasuklah pantun merupakan satu bukti kehidupan masyarakatnya yang unik. Pantun yang terhasil daripada kata yang puitis dalam setiap baitnya, terutama unsur tersirat yang kadangkala begitu menarik untuk dikaji. Pada masa yang sama, pantun juga membuktikan falsafah bangsa yang mendalam cirinya. Sesuai dengan peribahasa "tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas", pantun memiliki banyak keistimewaan dan peranan yang tersendiri dalam kebudayaan masyarakat di negara ini.

Keadaan pantun yang dilafazkan menjadi pertimbangan dalam penyampaian isi pantun. Jika hal ini tidak diberi perhatian oleh orang yang melafazkan pantun, dikhawatiri akan menimbulkan salah faham kepada pendengar, terutama pantun yang berkaitan dengan sindiran dan nasihat. Begitu juga, jika melafazkan pantun berkaitan dengan budi dan jenaka. Cara melafazkan pantun harus dijaga supaya maksud atau tujuan sesuatu pantun itu dilafazkan sampai kepada pendengar. Sesungguhnya, pantun Melayu yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu mempunyai beberapa fungsi.

Mendidik dan Memberi Nasihat


Masyarakat Melayu terutamanya golongan tua kaya dengan pelbagai nasihat. Golongan tua yang kaya dengan pelbagai nasihat dan pengalaman hidup serta amat peka dengan perubahan sesuatu perkara selalu menggunakan pantun sebagai kaedah memberi peringatan. Oleh itu, jika mereka mendapati ada sesuatu perkara yang tidak kena atau bertujuan untuk memberikan peringatan kepada golongan muda atau kanak-kanak, mereka akan

menggunakan pantun sebagai alat untuk menyampaikan nasihat dan didikan. Contohnya seperti pantun yang berikut:

Buah pelaga makan dikikir,
Dibawa orang dari hulu;
Sebarang kerja hendaklah difikir,
Supaya jangan mendapat malu.

Meluahkan Rasa Kasih Sayang dan Rindu

Pantun Melayu juga digunakan untuk meluahkan perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat tanpa mengira batasan sama ada rasa sayang antara kekasih, suami kepada isteri ataupun anak kepada ibu bapa. Pantun sebegini disulami dengan kata yang indah, berbunga-bunga, puji-pujian yang menggambarkan perasaan kasih, sayang, cinta dan rindu yang



mendalam. Sebagai contoh, dapatlah kita lihat pantun Melayu di bawah ini:

Melur melati bunga serasi,
Mekar kenanga sepanjang jalan;
Malam sepi menjadi saksi,
Pungguk setia merindu bulan.

Adat Istiadat

Masyarakat Melayu sememangnya mementingkan adat istiadat dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, pantun juga memainkan peranan yang penting dalam upacara yang melibatkan adat istiadat. Dalam majlis merisik, bertunang hinggalah majlis perkahwinan, pantun akan dilafazkan sebagai mukadimah atau pembuka kata sebagai tanda meminta kebenaran atau untuk menyampaikan maksud di hati. Penggunaan kaedah berpantun ini menjadikan suasana majlis lebih ceria dan menarik kepada masyarakat. Sesungguhnya, penggunaan pantun sebagai alat adat istiadat telah meninggikan lagi kedudukan pantun

Penggunaan pantun
mbolehkan
hanya orang yang
melakukan sesuatu
tindakan yang salah
itu memahaminya
lalu berusaha
untuk mengubah
kesilapannya pada
masa hadapan.

dikenali sebagai pantun adat. Sebagai contoh, dapatlah kita lihat dalam pantun Melayu lama di bawah ini:

Lebat daun bunga tanjung,
Berbau harum bunga cempaka;
Adat dijaga pusaka dijunjung,
Baru terpelihara adat pusaka.

Sindiran, Kiasan dan Tempelak

Pantun juga dilihat sebagai satu teknik menyindir atau menempelak seseorang itu dengan lebih sopan. Pantun juga digunakan oleh masyarakat untuk menggambarkan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu dengan bahasa yang berselindung atau dengan kata lain secara tidak berterus-terang. Melalui pantun, masyarakat dapat menyembunyikan perasaan sebenar sama ada kesal, kecewa ataupun dukacita terhadap sesuatu dengan penyusunan kata yang indah.

Hal ini bertujuan mengelakkan berlaku pertelingkahan dan akhirnya mencetuskan pergaduhan antara



Pantun budi banyak memerihalkan sifat wanita Melayu yang sopan dan berbudi bahasa.



Pantun juga digunakan dalam adat perkahwinan Melayu untuk menyerikan majlis.

mereka. Masyarakat kita yang tidak suka menimbulkan masalah perselisihan faham tetapi masih mahu memberi peringatan kepada orang lain sering menggunakan pantun sebagai jalan penyelesaiannya. Penggunaan pantun membolehkan hanya orang yang melakukan sesuatu tindakan yang salah itu memahaminya lalu berusaha untuk mengubah kesilapannya pada masa hadapan. Oleh itu, pantunlah yang membantu masyarakat kita mengkritik ahli yang lain, tetapi masih mengekalkan suasana keharmonian dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, pantun sindiran di bawah ini yang masih digunakan hingga sekarang:

Buah langsung kuning mencelah,
Senduduk tidak berbunga lagi;
Sudah dapat gading bertuah,
Tanduk tidak berguna lagi.

Menguji minda

Pantun juga dicipta untuk tujuan mencabar ketangkasan fikiran. Pantun sebegini amat digemari ramai terutama golongan kanak-kanak. Pantun yang

menguji minda ini dinamakan pantun teka-teki. Pantun ini juga boleh dijadikan hiburan antara masyarakat. Antara contoh pantun teka-teki ialah:

Buah budi bidara mengkal,
Masak sebiji di tepi pantai;
Hilanglah budi bicara akal,
Buah apa tidak bertangkai?

Menyampaikan Rasa Penghargaan dan Terima Kasih

Masyarakat Malaysia juga terkenal sebagai masyarakat yang tahu mengenang budi dan jasa. Pantun menjadi satu cara yang paling mudah untuk menyuarakan rasa terima kasih atas bantuan, jasa dan budi yang diterima daripada seseorang manusia itu. Pantun ini juga memaparkan kehalusan budi bangsa Malaysia yang sesuai dengan pepatah Melayu, iaitu "harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Penggunaan pantun untuk menyampaikan penghargaan terima kasih ini dapat melahirkan dan menyemaikan bibit kasih sayang antara pengguna atau penutur bahasa.

Antara pantun yang sering digunakan hingga sekarang ini adalah seperti pantun di bawah:

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Kesimpulannya, pantun Melayu mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam masyarakat kita. Situasi ini menjadikan kedudukan pantun itu sesuatu yang bernilai dan harus dikekalkan dalam budaya kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia. Bak kata pepatah, "biar mati anak, jangan mati adat" yang membuktikan bahawa pantun itu sesuatu yang berharga untuk mengajar masyarakat tentang nilai kehidupan. Pantun merupakan satu wahana dan medium komunikasi sopan antara masyarakat Malaysia yang terkenal dengan budi bahasanya. Oleh sebab itu, ternyata keistimewaan tradisi lisan ini dan peranannya dalam masyarakat tidak dapat dipertikaikan. **PB**